

30/04/2001

Pemimpin Pas terima kenyataan Dr Mahathir

ALOR STAR, Ahad - Pemimpin Pas mengalu-alukan kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung permintaan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, supaya ahli Pas menghentikan pemulauan terhadap ahli dan penyokong Umno.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, sebaliknya meminta Umno menghentikan pemulauan terhadap ahli Pas terlebih dulu yang mereka dakwa dilakukan dalam bentuk pengagihan bantuan kerajaan.

Walaupun sependapat dengan Nik Abdul Aziz bahawa Pas perlu menghentikan pemulauan terhadap orang Umno, Fadzil meminta Umno sebagai tunjang Barisan Nasional (BN) tidak menafikan hak ahli Pas.

Katanya, beliau ingin melihat Umno menghentikan apa yang didakwanya diskriminasi terhadap ahli Pas dalam bentuk pengagihan projek infrastruktur dan bantuan kewangan.

Beliau berkata, tidak munasabah jika ahli Pas diminta membuktikan keikhlasan dalam memelihara hubungan sesama anggota masyarakat sedangkan pada masa yang sama Umno sering menafikan hak ahli Pas dalam pengagihan projek pembangunan infrastruktur.

"Kita pun nak tengok Umno menghentikan diskriminasi terhadap orang Pas. Contohnya, projek jalan kampung. Ada jalan yang dibina di depan rumah orang Umno tetapi tak sampai rumah orang Pas.

"Di Kubang Rotan (dekat Kuala Kedah), ada empat anak orang Pas yang dapat kejayaan cemerlang dalam SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) tahun lalu. Apabila bantuan kepada pelajar cemerlang, hanya anak orang Umno dapat.

"Hak anak orang Pas dinafikan. Jangan kata orang Pas saja yang memulaukan orang Umno. Umno sendiri memulaukan orang Pas," dakwanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, hari ini.

(END)